




JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 6/2020

RUJUKAN : 28 MAC 2020



BANCIO
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Penularan jangkitan CORONAVIRUS 2019 atau COVID-19 sehingga kini telah menjangkau kepada **201 buah negara** dan statistik pada 27 Mac 2020 menunjukkan jumlah kumulatif kes positif di seluruh dunia telah pun **melebihi angka setengah juta** penduduk. Meskipun pelbagai langkah kawalan telah dilaksanakan, namun peningkatan yang semakin tinggi bagi kes harian jangkitan COVID-19 ini mencetuskan suasana yang sangat membimbangkan.

Pendekatan Kerajaan Malaysia dalam membendung situasi ini telah memasuki fasa kedua dengan menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan **pada 28 Mac 2020 jangkitan kes baharu meningkat kepada 159 kes** berbanding 130 kes seperti yang dilaporkan semalam. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di Malaysia sebanyak **2,320 kes dengan jumlah kematian direkodkan sebanyak 27 kes**. Pertambahan kes baharu ini antaranya adalah **menerusi peningkatan di Zon Selatan sebanyak 50 kes positif melepasi kawasan lembah Klang 40 kes**. Sementara itu, wilayah Malaysia Timur meningkat 28 kes dengan WP Labuan merekodkan 5 kes positif, yang tertinggi pernah dicatatkan sejak wabak ini bermula. Pantai Timur turut mencatatkan peningkatan 28 kes disumbangkan terutamanya oleh Pahang sebanyak 14 kes (4 kes pada 27 Mac 2020) manakala 13 kes dari Zon Utara seperti pada Jadual 1. Pada masa yang sama, terdapat **61 kes yang telah pulih** dan ini menjadikan jumlah **kumulatif kes discaj** adalah sebanyak **320 kes**.

Amerika Syarikat mempunyai jumlah **kes positif COVID-19 tertinggi** melepasi Itali dan China dengan jumlah **104,007 kes atau 17.4 peratus** daripada keseluruhan kes di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, **Itali kekal** merekodkan **bilangan kematian tertinggi di dunia dengan 9,134 kes dengan peratus kematian** dalam negara sebanyak **10.6 peratus**. Selain Itali, negara lain yang mencatatkan peratus kematian yang tinggi adalah Sepanyol sebanyak 7.4 peratus, Iran (7.4 peratus), Belanda (6.3 peratus) dan Perancis (6.0 peratus). Secara **umumnya di peringkat global, kes positif COVID-19 telah meningkat 64,771** dengan jumlah terkini sebanyak **596,761 kes** dan **4.24% kematian** seperti pada Jadual 2.

Berdasarkan perspektif ekonomi, pelbagai insentif dirangka bagi mengimbangi impak pandemik COVID-19 yang ternyata memberi kesan kepada tenaga buruh dan pengeluaran atau pendapatan syarikat. Penutupan sementara operasi syarikat dan isu pemberhentian pekerja merupakan petanda untuk menuju kearah kelembapan ekonomi. Kerajaan Malaysia pada 27 Mac 2020 telah mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion** bagi merangsang ekonomi negara seterusnya menjaga kebajikan pekerja yang terjejas dengan kesan langsung wabak ini. Antara intipati pakej rangsangan yang diumumkan meliputi peruntukan **RM128 bilion** bagi melindungi **kebajikan rakyat**, menyokong perniagaan termasuk **Perusahaan Kecil dan Sederhana** dengan dana sejumlah **RM100 bilion**, peruntukan **RM2 bilion untuk memperkukuhkan ekonomi** dan pelbagai insentif khas bagi membantu perniagaan dan majikan serta kerajaan komited meneruskan pelaksanaan semua projek yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2020 termasuk ECRL, MRT2 serta Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara.

Diperingkat global, **IMF** menyatakan **pandemik COVID-19 mendorong kelembapan ekonomi global**. Oleh itu, negara-negara **disarankan** untuk melakukan **pembiayaan besar-besaran bagi mengelak masalah kebangkrapan dan kegagalan keberhutangan di negara membangun**. IMF turut menjelaskan bahawa masalah kemelesetan ini adalah lebih teruk berbanding Krisis Kewangan Global 2009 yang pernah dihadapi. Dengan ekonomi “berhenti secara mendadak” di seluruh dunia, **keperluan kewangan** bagi keseluruhan negara pasaran baharu muncul adalah **USD 2.5 trilion (RM10.82 trilion)**. **81 negara telah memohon bantuan kecemasan** di bawah program *Rapid Financing Instrument Program* daripada IMF. 50 daripadanya adalah negara berpendapatan rendah (*low-income*) dan 31 negara berpendapatan sederhana (*middle-income*). Antaranya Pakistan telah memohon bantuan pinjaman kecemasan di bawah program *Rapid Financing Instrument Program* bagi memerangi COVID-19. IMF memaklumkan Pakistan berupaya meminjam sehingga USD 2.76 bilion bagi tempoh 2 tahun. (Reuters)

Bilangan pelancong dari China ke AS telah menurun 84.1% pada Februari 2020. Ini adalah kesan daripada sekatan kemasukan pelancong China bagi mengurangkan penularan pandemic COVID-19. International Trade Administration (ITA) pula melaporkan jumlah pelancong China bagi 2 bulan pertama turun 35.4% kepada 353,911. Secara keseluruhan, sumbangan ketibaan pelancong China daripada keseluruhan 2.4 juta pelancong ke AS pada Februari adalah sebanyak 1.4% (Reuters)

Sementara itu, **pasaran saham AS mengalami penyusutan** untuk ditutup lebih rendah akibat kerisauan pelabur ke atas ekonomi AS setelah **jumlah penularan COVID-19 melepasi paras 100,000 pesakit** pada Jumaat lepas. Dow Jones Industrial Average (DJI) ditutup rendah kepada 21,636.78 (-4.06%), S&P 500 turun kepada 2,541.47 (-3.37%), manakala Nasdaq Composite Index susut kepada 7,502.38 (-3.79%). Trend yang sama dialami di Eropah apabila Stoxx Europe 600 ditutup -3.3% lebih rendah.

Di Asia, Nikkei 225 (Jepun) naik 3.88%, SCI (China) naik 0.26%, Hang Seng Index (Hong Kong) menokok 0.56% dan KOSPI (Korea Selatan) naik 1.87%.

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Pasaran ekuiti akan terus dipengaruhi oleh harga minyak mentah Brent, di mana **diniagakan pada US\$28.16 setong** pada penutup semalam. Dengan harga semasa yang telah mencapai rekod rendah, ia **tidak akan menjejaskan pasaran ekuiti** melainkan **merosot di bawah US\$25 setong (RM108.20)**.
- 2) **Pengeluaran dan eksport minyak sawit mentah menurun** akibat beberapa ladang telah menggantung operasi mereka akibat wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dijalankan.
- 3) Pasaran getah Malaysia **dijangka meneruskan aliran penurunannya pada minggu depan** berikutan kekurangan permintaan akibat pelaksanaan sekatan pergerakan oleh Thailand dan Indonesia bagi membendung penularan COVID-19.
- 4) India **tidak dapat mencapai sasaran untuk mengeksport 5 juta tan gula mentah dalam setahun** hingga September ini disebabkan oleh kekurangan tenaga buruh di pelabuhan dan kilang akibat penularan wabak COVID-19.
- 5) Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan **tidak banyak membantu pihak hotel dan industri pelancongan**. Sektor pelancongan dijangkakan akan mengalami hampir *total-loss* bagi bulan April, Mei dan Jun.
- 6) Persatuan Hotel Malaysia (MAH) **menjangkakan occupancy rate pada bulan Jun tidak melebihi 25 peratus** sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020 dan keadaan wabak COVID-19 adalah terkawal.
- 7) **Semua kementerian dan agensi perlu menggunakan 'big data' untuk menghimpunkan data dan statistik** supaya kerajaan dapat menyalurkan bantuan mengikut keperluan masing-masing.
- 8) Kerajaan telah bersetuju untuk **membayar gaji yang dikenakan oleh kontraktor yang terlibat dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (MCO)** walaupun pekerja tidak hadir yang memanfaatkan lebih 80,000 pekerja.

- 9) Kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (MSM) jatuh berikutan **tren eksport yang menurun serta pengeluaran MSM yang terjejas** akibat penangguhan sementara operasi ladang kelapa sawit.
- 10) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan **menafikan laporan yang menyatakan bahawa jumlah stok beras negara hanya mampu bertahan selama dua bulan setengah**. Kebergantungan Malaysia kepada beras import hanya 30 peratus daripada keseluruhan keperluan dalam negara.
- 11) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) **memilih Malaysia bagi menjalankan kajian menguji keberkesanan ubat merawat pesakit COVID-19** dikenali sebagai Remdesivir.
- 12) Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd. telah **meningkatkan pengeluaran roti kepada 2.2 juta buku** roti setiap hari. Terdapat lima buah kilang beroperasi 24 jam sehari bagi **memenuhi 60 peratus daripada permintaan** roti di seluruh Semenanjung Malaysia.
- 13) **Pekerja Malaysia** yang berulang-alik berkerja di Singapura **menghadapi krisis berkemungkinan kehilangan pekerjaan** susulan langkah pelanjutan PKP.
- 14) Sebahagian komuniti nelayan tidak lagi mahu turun ke laut bagi mengelak kerugian dan pembaziran hasil laut berikutan **peraih yang enggan membeli hasil tangkapan** kerana kesukaran untuk dipasarkan.
- 15) **Penutupan pasar pagi dan pasar tani** menyebabkan **lambakan barang basah, sayuran dan ikan**. Ini adalah kerana hanya pasar raya sahaja yang dibenarkan beroperasi. Sehubungan itu, **cadangan bagi membenarkan 37 pasar tani di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)** beroperasi semula akan di bawa ke majlis mesyuarat jawatankuasa PKP.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Program Subsidi Upah dibuka</p> <p>Hanya majikan yang tidak membuang pekerja, tidak memotong gaji dan tidak mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji akan memperoleh manfaat Program Subsidi Upah, yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).</p> <p>“Majikan boleh membuat tuntutan sebanyak RM600 bagi tempoh tiga bulan untuk setiap pekerja berpendapatan bulanan RM4,000 ke bawah, yang berdaftar dan mencarum dengan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).</p>	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670501/program-subsidi-upah-dibuka</p>
2.	New Straits Times	<p>TM outlines initiatives supporting Prihatin</p> <p>Telekom Malaysia Bhd has put in place various initiatives in support of Prihatin Rakyat economic stimulus package (Prihatin) and the nation – for customers, employees and those in need throughout the extended Movement Control Period (MCO) period.</p> <p>The initiatives are -- free access to all channels on unifi TV including premium channels and unifi PlayTV and a 20 per cent discount for all Video-on-Demand (VOD) titles in its</p>	<p>https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579096/tm-outlines-initiatives-supporting-prihatin</p>

		HyppFlicks Plus category to all subscribers.	
3.	New Straits Times	<p>Paya Terubong market shut down for non-compliance</p> <p>The market at Kompleks Sri Aman in Paya Terubong, near here, has been ordered to close effective today following non-compliance by visitors according to requirements set out by the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The Penang Island City Council (MBPP) in a statement today said it viewed the non-compliance as a serious matter and took immediate steps to close the market.</p>	<p>https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579091/paya-terubong-market-shut-down-non-compliance</p>
4.	Sinar Harian	<p>Exco Terengganu potong gaji untuk Tabung Covid-19</p> <p>Kerajaan Terengganu melancarkan Tabung Bantuan Covid-19 Terengganu untuk membantu golongan yang terjejas akibat wabak pandemik berkenaan di negeri ini.</p> <p>"Penubuhan tabung ini juga bagi membuka peluang kepada semua rakyat yang prihatin, penderma korporat dan syarikat swasta untuk turut menyumbang.</p>	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/76005/KHAS/Koronavirus/Exco-Terengganu-potong-gaji-untuk-Tabung-Covid-19</p>

5.	Sinar Harian	Bank Rakyat umum dividen 14 peratus BANK Rakyat hari ini mengumumkan dividen 14 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding 13 peratus pada tahun sebelumnya.	https://www.sinarharian.com.my/article/76030/BISNES/Bank-Rakyat-umum-dividen-14-peratus
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Subsidi Upah yang merupakan salah satu inisiatif dari Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Program ini merupakan bantuan kepada majikan agar tiada pemberhentian pekerja, pengambilan cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji pekerja. 2. Pengumuman dividen Bank Rakyat sebanyak 14% bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Subsidi Upah ini membantu memastikan pekerja dapat menerima gaji walaupun syarikat mengalami kerugian kerana penularan wabak Covid19 dan perintah kawalan pergerakan. Kesan kepada program ini dapat dilihat dalam komponen pampasan pekerja KDNK Kaedah Pendapatan. 2. Pemberian dividen Bank Rakyat kepada anggota individu akan meningkatkan jumlah pendapatan boleh guna isi rumah dan seterusnya akan memberi impak kepada perbelanjaan isi rumah. 			
B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Perdagangan Borong dan Runcit			
1.	Malaysia Kini	Pasaran getah dijangka susut minggu depan Penyusutan tersebut berikutan kekurangan permintaan akibat pelaksanaan sekatan pergerakan oleh Thailand dan Indonesia bagi membendung penularan Covid-19.	https://www.malaysiakini.com/news/517305

2.	The Edge Markets	<p>Agriculture Ministry to propose re-opening of farmers market, morning market during MCO</p> <p>Agricultural producers, especially of fish and vegetables, are now facing a glut of their products since only supermarkets are allowed to open during MCO.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/agriculture-ministry-propose-reopening-farmers-market-morning-market-during-mco
3.	Bernama	<p>Gardenia tingkat pengeluaran 5% kepada 2.2 juta buku roti sehari</p> <p>Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd telah meningkatkan pengeluarannya ke tahap 2.2 juta buku roti sehari menerusi lima buah kilangnya yang beroperasi selama 24 jam.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1826116
B. Subsektor Pengangkutan			
4.	Sinar Harian	<p>Grab Malaysia sambut baik bantuan kepada pemandu e-hailing</p> <p>Grab Malaysia menyambut baik bantuan wang tunai secara 'one-off' sebanyak RM500 yang memberi manfaat kepada 120,000 pemandu e-hailing dalam tempoh mencabar ini. Bantuan wang tunai berkenaan akan dibayar pada bulan April 2020.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/76010/BERITA/Nasional/Grab-Malaysia-sambut-baik-bantuan-kepada-pemandu-e-hailing
C. Subsektor Kewangan			
5.	Focus Malaysia	<p>Insurance holders: Get tested and let's flatten the curve together</p> <p>Insurance associations together with the government has come up with an RM8.0 mil</p>	https://focusmalaysia.my/mainstream/insurance-holders-get-tested-and-lets-flatten-the-curve-together/

		<p>for assistance insurance policy holders to conduct the Covid-19 test in the hope the number of Malaysians who conduct the Covid-19 test will be higher.</p> <p>The contribution to establish the special fund is intended for medical insurance policyholders and medical takaful certificate holders.</p>	
D. Subsektor Penginapan			
6.	The Star	<p>Hoteliers, tourism players want a bigger cushion</p> <p>Tourism and hotel operators fears more employees will lose their job because the stimulus package was not sufficient in addressing their dire financial straits.</p> <p>Tourism industry, which employs 3.5 million people and contributes 15.2% to the nation's GDP, saw revenues falling by 90% in March.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/28/hoteliers-tourism-players-want-a-bigger-cushion</p>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani akan memohon kebenaran pembukaan semula gerai ikan dan sayur-sayuran bagi membantu PKS. 2. Gardenia meningkatkan pengeluaran 2.2 juta buku roti sehari bagi memenuhi keperluan pengguna. 3. Inisiatif yang diambil oleh Persatuan Industri Insurans di Malaysia mampu membolehkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia yang mempunyai polisi insurans dan takaful untuk menjalani ujian saringan Covid-19 di fasiliti perubatan swasta di Malaysia. 4. Penangguhan bayaran premium mampu meringankan beban kewangan pemegang polisi insurans dan juga takaful yang terkesan dengan penularan Covid -19. 5. Syarikat pajakan yang hanya memberikan moratorium selama 2 bulan akan menyukarkan syarikat sewaan kenderaan. Kemungkinan kenderaan yang 			

disewa dikenakan terpaksa diserahkan kembali kepada syarikat pajakan kerana tiada pendapatan yang diterima.

6. Pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan tidak banyak membantu pihak hotel dan industri pelancongan. Sektor pelancongan dijangkakan akan mengalami hampir *total-loss* bagi bulan April, Mei dan Jun.
7. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menjangkakan *occupancy rate* pada bulan Jun tidak melebihi 25 peratus sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020 dan keadaan wabak Covid19 adalah terkawal.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri jualan borong getah dijangka akan mengalami penurunan jika kurang permintaan di pasaran.
2. Bantuan kepada pemandu e-hailing sebanyak RM500 akan memberikan rangsangan kepada subsektor pengangkutan melalui pengangkutan darat terutama Aktiviti Darat Lain. Pemandu Grabcar adalah majoriti dalam aktiviti e-hailing.
3. Industri pelancongan termasuk hotel, aktiviti sewaan & pajakan kenderaan akan turut terkesan.
4. BPP akan mengambil kira situasi ini di dalam penyusunan statistik prestasi Q1 dan Q2 2020.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	<p>Malaysia's rice stock stable.</p> <p>The Agriculture and Food Industries Ministry has dismissed reports that the country's rice stock can only last for two and a half months.</p> <p>The import of rice is not disrupted and it is going on as normal. Apart from Vietnam, Malaysia also importing rice from producer countries such as Thailand, Pakistan, Myanmar, India, Cambodia and more.</p> <p>The overall amount of local rice stock, as well as the import, are stable, under control and</p>	<p>https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579071/malaysias-rice-stock-stable</p>

		consistent to cater to the country's needs.	
2.	Global News Hut	<p>India to Miss Sugar Export Target as Lockdown Roils Ports.</p> <p>Sugar mills in India, the world's third-biggest shipper, will probably miss their export target this year as a nationwide lockdown to prevent the spread of the coronavirus disrupts logistics at ports.</p> <p>The country won't be able to ship 5 million tons in the year to September, as expected earlier, because of a shortage of labor at ports and mills.</p> <p>India, struggling with record stockpiles, is seeking to boost sales of raw sugar to countries such as Indonesia and Malaysia to reduce a domestic glut.</p>	<p>https://globalnews hut.com/india-to-miss-sugar-export-target-as-lockdown-disrupts-ports/</p>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. India tidak dapat menghantar 5 juta tan gula mentah dalam setahun hingga September ini kerana kekurangan tenaga buruh di pelabuhan dan kilang akibat penularan wabak Covid-19. India bercadang untuk meningkatkan penjualan gula mentah ke negara Indonesia dan Malaysia untuk mengurangkan lebihan bekalan gula mentah di negaranya. 2. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menafikan laporan yang menyatakan bahawa jumlah stok beras negara hanya mampu bertahan selama dua bulan setengah. Turut dimaklumkan kebergantungan Malaysia kepada beras import hanya 30 peratus daripada keseluruhan keperluan dalam negara. Import beras juga tidak terjejas dan berjalan seperti sedia kala. Selain Vietnam, Malaysia turut mengimport beras dari negara-negara pengeluar lain seperti Thailand, Pakistan, Myanmar, India, Cambodia dan lain-lain. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import gula mentah (HS: 1701) pada tahun 2019 berjumlah RM 2.6 bilion. Sumber utama gula mentah pada tahun 2019 ialah Thailand (RM953.7 juta, 36.6%), Afrika Selatan (RM865.5 juta, 33.2%), Brazil (RM501.9 juta, 19.2%), India (RM152.8 juta, 5.9%) dan Australia (RM62.2 juta, 2.4%). Penularan wabak Covid-19 pada tahun 2020 dijangka tidak akan memberi kesan terhadap aktiviti pengimportan gula mentah.
2. Nilai import getah (HS: 4001) pada tahun 2019 ialah RM5.5 bilion manakala bagi eksport ialah RM3.8 bilion. Pada tahun 2019, Malaysia mengimport getah lebih dari 50.0% dari Thailand (RM2.8 bilion). Malaysia mengeksport getah ke China yang bernilai RM1.8 bilion (48.0%).

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Healthcare and infrastructure to benefit</p> <p>In the RM250bil stimulus package announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday, another RM1bil will be channelled to the Health Ministry for the purchase of equipment and services to combat the Covid-19 virus. This will include getting services from the private healthcare sector.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/28/healthcare-and-infrastructure-to-benefit
2.	The Star	<p>EMS companies in a tight spot</p> <p>FACED with business shutdown at a time when the global demand for consumer electronics is affected by persisting headwinds, electronic manufacturing services (EMS) companies in Malaysia find themselves in a tight spot. Analysts have warned that the earnings of EMS players, which include VS Industry Bhd, ATA IMS Bhd and SKP RESOURCES</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/28/ems-companies-in-a-tight-spot

		BHD, among others, would likely decline in 2020.	
3.	FMT	<p>Allow construction companies to do evaluation work, urge Sabah builders</p> <p>Construction bosses in Sabah have urged the government to allow their firms to carry out evaluation work at their worksites which they say have been disrupted by the movement control order (MCO). Sabah Builders Association (SBA) president Lou Chi Nam said due to the short MCO notice, many project sites were closed with minimal preparation for site safety or health aspects of the temporary works.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/03/27/allow-construction-companies-to-do-evaluation-work-urge-sabah-builders/
4.	The Star	<p>Saving Malaysia's economy (Oil perspective)</p> <p>According to Manokaran Mottain, the Chief economist at Alliance Bank Malaysia Bhd said that a stronger ringgit will only lead to more fund outflows. Based on his estimation, every US\$1 per barrel decline in oil prices could result in a revenue loss of RM300mil for the Government.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/28/saving-malysias-economy
5.	The Star	<p>Oil plunges posting fifth straight weekly loss despite stimulus efforts</p> <p>With 3 billion people in lockdown, global oil demand could be cut by a fifth,</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/28/oil-plunges-posting-fifth-straight-weekly-loss-

	International Energy Agency head Fatih Birol said as he called on major producers such as Saudi Arabia to help to stabilise oil markets. The calls may not be enough to bring the market back into balance. The Group of 20 major economies on Thursday pledged to inject more than \$5 trillion into the global economy to limit job and income losses from the coronavirus and "do whatever it takes to overcome the pandemic.	despite-stimulus-efforts
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan telah bersetuju untuk membayar gaji yang dikenakan oleh kontraktor yang terlibat dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (MCO) walaupun pekerja tidak hadir yang memanfaatkan lebih 80,000 pekerja.
2. Penganalisis meramalkan penurunan pendapatan dalam syarikat perkilangan elektronik (EMS).
3. Persatuan Pembinaan Sabah (SBA) menggesa kerajaan membenarkan firma mereka menjalankan kerja-kerja penilaian di tempat kerja yang dikatakan terganggu oleh perintah kawalan pergerakan (MCO). Kelewatan yang berpanjangan untuk mengubah kerja-kerja sementara kepada kerja-kerja tetap bukan sahaja menimbulkan bahaya keselamatan kepada orang ramai tetapi juga akan menyebabkan kerosakan yang meluas dan mengakibatkan kerugian kewangan yang besar.
4. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memilih Malaysia bagi menjalankan kajian menguji keberkesanan ubat merawat pesakit COVID-19 dikenali sebagai Remdesivir.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan terus memantau prestasi pertubuhan yang terkesan dengan PKP.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	News Straits Times	<p>Bursa Malaysia rises after PM unveils RM250bil stimulus</p> <p>Bursa Malaysia closed higher today after Prime Minister Tan Sri</p>	<p>https://new.nst.com.my/business/2020/03/578751/bursa-malaysia-rises-after-</p>

		Muhyiddin Yassin announced RM250 billion Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package or PRIHATIN. At 5pm, the key benchmark FBM KLCI rose 1.1 per cent to 1,343.09 points from yesterday's closing of 1,328.09 points.	pm-unveils-rm250bil-stimulus
2.	The Star	<p>Buying sentiment increases ahead of stimulus package announcement</p> <p>Investor sentiment continued to pick up over the course of Friday's early session ahead of the government's plans to announce a second stimulus package to mitigate the damage to the economy. Global equities and commodities were bullish on Friday following a pledge by G20 leaders to inject US\$5 trillion towards minimising the impact of the coronavirus on the global economy.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/27/buying-sentiment-increases-ahead-of-stimulus-package-announcement
3.	The Star	<p>IMF says world in recession, countries must 'go big' on spending</p> <p>The coronavirus has already driven the global economy into recession and countries must respond with "very massive" spending to avoid a cascade of bankruptcies and emerging market debt defaults, the head of the International Monetary Fund warned on Friday. The emerging market countries will need at least \$2.5 trillion in financial resources to get through the crisis, and their own internal reserves and market borrowing capacity will fall short of</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/28/imf-says-world-in-recession-countries-must-039go-big039-on-spending

		meeting this need. There may be a "sizeable rebound" in 2021,"but only by succeed with containing the virus everywhere and prevent liquidity problems from becoming a solvency issue.	
4.	Bernamea	<p>Kontrak hadapan MSM dijangka rendah minggu depan</p> <p>Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives dijangka rendah pada minggu depan. Ini berikutan eksport produk minyak sawit bagi tempoh 1 hingga 25 Mac 2020 turun 11.7 peratus kepada 866,270 tan berbanding 981,073 tan pada Februari. Sementara itu, pengeluaran MSM dilihat bakal terjejas dalam jangka masa terdekat disebabkan oleh arahan untuk menangguhkan operasi bagi beberapa ladang di Sabah oleh kerajaan negeri berikutan segelintir pekerja yang telah disahkan positif COVID-19.</p>	https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=1825994
5.	New Starits Times	<p>Malaysia Airlines Bhd considers more flight cuts</p> <p>Malaysia Airlines Bhd will stop more flights from its current 20 per cent of total capacity in operation, if the pandemic continues to hammer the national carrier. Currently, MAS operates less than 50 flights daily due to the enforcement of travel ban globally. Some routes that has been halted are China (Beijing and Kota-Kinabalu-Shanghai), South Korea, and Saudi Arabia (Jeddah and Madinah) via its pilgrimage unit, Amal. To date, the</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/03/578811/malaysia-airlines-bhd-considers-more-flight-cuts

		carrier has grounded 65 per cent of its aircraft fleet as appetite for travel weakens.	
